

MAHATHIR - UMNO

1983

DARI HAMZAH SULAIMAN

PARIS, 26 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAWA PENUBUHAN KELAB UMNO DI SINI AKAN MEMBOLEHKAN ANGGOTA-ANGGOTANYA MENGADAKAN PERJUMPAAN UNTUK MENGETAHUI PERKEMBANGAN POLITIK DAN EKONOMI NEGARA.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA PENUBUHAN KELAB ITU BUKANLAH MERUPAKAN PEMBENTUKAN CAWANGAN PARTI ITU DI LUAR NEGERI TETAPI UNTUK MEMBOLEHKAN PARA ANGGOTANYA MEMAHAMI PENDIRIAN DAN DASAR PARTI KESELURUHANNYA.

BERCAKAP KEPADA RAKYAT MALAYSIA DI SINI MALAM TADI, PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH MUSTAHAK BAGI RAKYAT MALAYSIA DI LUAR NEGERI MEMAHAMI APA YANG BERLAKU DALAM NEGARA DARI SEMASA KE SEMASA.

KATANYA DALAM HUBUNGAN INI, PARA MENTERI, TANPA MENGIRA DARI PARTI YANG MEREKA WAKILI, TELAH DIARAH SUPAYA MENEMUI RAKYAT MALAYSIA DI SEBERANG LAUT, KHUSUSNYA PELAJAR BAGI MEMBERI PENERANGAN TENTANG PERKEMBANGAN TANAH AIR.

TENTANG KELEWATAN RAKYAT MALAYSIA MENERIMA BERITA TERBARU DARI TANAH AIR, KATANYA ITU BUKANLAH SOAL PENTING ASALKAN MEREKA DAPAT MEMBACANYA WALAUPUN AGAK TERLAMBAT SEDIKIT.

MENURUTNYA ADA PIHAK YANG TIDAK MAHU LANGSUNG MEMBACA BERITA TANAH AIR DAN ENGGAN PULA MEMBINCANGNYA DAN DENGAN DEMIKIAN MEREKA TIDAK TAHU APA YANG BERLAKU DI DALAM NEGARA. -- LAGI 1854/MK

ZCZC B647

MAHATHIR - UMNO 2 PARIS

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MEMBERIKAN PENJELASAN PANJANG LEBAR MENGENAI KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN PENGSWASTAAN.

KEPADA SATU PERTANYAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MENJADI +ULTRA+ ITU BAIK SELAGI IA BERSIFAT INGIN MENYUMBANG KEPADA KESTABILAN POLITIK TANAH AIR.

KATANYA APA YANG DIPERLUKAN IALAH BAGI SEMUA RAKYAT, TIDAK MENGIRA MELAYU, CINA ATAU INDIA, BERSATU TEGUH DENGAN SEMANGAT DEDIKASI KEPADA NEGARA DAN MELUPAKAN SEGALA PERSELISIHAN KECIL ANTARA MEREKA.

KATANYA MEREKA HENDAKLAH BERUSAHA KE ARAH PERTUMBUHAN DAN KEKAYAAN NEGARA DAN MENAMBAH MALAH KEKAYAAN ITU LEBIH DARIPADA MENCUKUPI BAGI SEMUA.

+TETAPI, JIKA TERDAPAT EMAS DI BAWAH TAPAK KAKI KITA SEKALIPUN DAN JIKA KITA TIDAK MAHU BERUSAHA MENGAMBIL CANGKUL DAN MENGGALINYA, KITA TIDAK AKAN MENJADI KAYA.

+ADA BANYAK EMAS DI BUMI MALAYSIA HARI INI DAN DENGAN ITU IA MEMERLUKAN KERJA YANG LEBIH TEKUN DARI SEMUA PIHAK,+ KATANYA. -- BERNAMA 1857/MK